

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN  
DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

# LAPORAN TAHUNAN 2020









# K A N D U N G A N

|                                                                                                                                 |    |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
|  Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP | 03 |
|  Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP          | 04 |
|  Maklumat Korporat                            | 05 |
|  Bahagian Latihan                             | 17 |
|  Bahagian Pengurusan                          | 35 |
|  Bahagian Maklumat                           | 41 |
|  Unit Penyelidikan dan Inovasi               | 45 |
|  Unit Integriti                             | 55 |
|  Laporan Khas                               | 61 |
|  Laporan Pencapaian                         | 71 |
|  Sidang Redaksi                             | 74 |



# PERUTUSAN

## PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ  
وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

***“Dengan nama Allah yang tidak dimudharatkan sesuatu pun dengan namaNya sama ada di bumi atau di langit. Dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”***

Maha suci Allah SWT dan selawat serta salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, kaum keluarga dan para sahabat baginda. Semoga para pembaca yang dikasihi dilindungi Allah SWT daripada sebarang marabahaya.

Saban tahun ILKAP telah mengadakan pelbagai bentuk program latihan seperti kursus, bengkel dan seminar yang komprehensif, relevan, berkualiti dan berkesan, bagi meningkatkan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan dan pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang di negara ini.

Ini selaras dengan peranan utama penubuhan ILKAP sebagai sebuah institusi yang penting untuk memberikan latihan dan menyediakan platform bagi melahirkan pegawai kehakiman dan perundangan yang intelektual, berkemahiran dan berintegriti dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan.

Saya akui bahawa sejak permulaan tahun 2020, warga ILKAP telah berusaha sedaya upaya untuk melunaskan tanggungjawab yang diberikan walaupun keupayaan mereka terkekang disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19 yang bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia tetapi di seluruh dunia. Justeru, saya dengan ini merakamkan penghargaan saya kepada warga ILKAP atas usaha dan komitmen tekal yang ditunjukkan bagi memastikan semua program latihan yang dirancang pada tahun 2020 berjaya dilaksanakan dengan sempurna.



Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang taruh (*stakeholders*) ILKAP dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama dan sokongan padu yang telah diberikan kepada ILKAP dalam menjayakan keseluruhan program latihan seperti yang telah dirancang.

Akhir kata, saya berharap agar Lembaga Pengurusan ILKAP dan warga ILKAP keseluruhannya, dapat meneruskan penyampaian kerja yang cemerlang dan komited untuk mengekalkan status ILKAP sebagai salah sebuah institusi latihan yang utama dan mapan di negara ini. Saya juga menyeru agar semua warga ILKAP berusaha dengan gigih untuk menghasilkan program latihan yang relevan, bermutu dan menepati keperluan dan perkembangan undang-undang semasa, serta sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang cabaran dan keadaan yang tidak diduga pada tahun 2021 dan tahun-tahun yang mendatang.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**



**Assalamualaikum WBT**

**B**uku Laporan Tahunan ILKAP 2020 adalah suatu wadah paparan hasil kerja tahunan warga Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang didokumentasikan bagi merakam aktiviti, program, kejayaan dan pencapaian ILKAP sepanjang tahun 2020. Laporan ini juga merupakan bukti komitmen jitu warga ILKAP dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi visi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia.

Pada awal tahun 2020, seluruh dunia telah dilanda pandemik COVID-19. Penularan wabak COVID-19 ini telah membawa norma baharu kepada warga ILKAP dengan pelbagai perubahan dalam rutin seharian. Norma baharu ini datang bersama pelbagai cabaran, antaranya semua sesi mesyuarat dan perbincangan dalaman dan dengan pihak ketiga termasuklah pelaksanaan program latihan, perlu dijalankan secara dalam talian.

Sehubungan dengan itu, warga ILKAP kini perlu membiasakan diri masing-masing dengan norma baharu ini agar segala urusan berjalan dengan lancar. ILKAP juga turut memperkenalkan pelbagai prosedur operasi standard selaras dengan arahan kerajaan bagi menyokong usaha kerajaan dalam membendung dan memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan pertama mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, ILKAP sempat menganjurkan 21 program latihan berjadual dan 4 kursus kerjasama. Walau

bagaimanapun, sebanyak 31 program latihan yang telah dijadualkan pada tahun 2020 dan Program ILKAP *Speaker Series* (ISS) yang menjadi tradisi tahunan ILKAP terpaksa dibatalkan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat yang mula berkuat kuasa pada 18 Mac hingga 30 Jun 2020.

Di sebalik segala batasan dan halangan, saya berbangga melihat potensi terbaik yang ditonjolkan oleh warga ILKAP dan amat berpuas hati dengan pencapaian perkhidmatan ILKAP. Pada suku ketiga tahun 2020, ILKAP telah berjaya menganjurkan sebanyak 40 program latihan berjadual dan 8 kursus kerjasama. Sebahagian program latihan berjadual yang ditangguhkan semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan selama tiga bulan telah dijadualkan semula dan dijalankan secara sendiri dan dalam talian bermula pada bulan Jun 2020.

Dengan kejayaan yang dicapai pada tahun 2020, ILKAP telah merancang aktiviti yang lebih dinamik bagi tahun 2021. Semoga momentum dan nilai kerja berprestasi tinggi terus dikekalkan dan dipertingkatkan oleh warga ILKAP pada tahun 2021.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP atas sokongan yang berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti ILKAP, selaras dengan visi dan misi ILKAP. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pemegang taruh (*stakeholders*) dan para penceramah yang telah menjayakan program latihan ILKAP sepanjang tahun 2020. Semoga jalinan kerjasama ini akan terus berkekalan pada masa akan datang.

Akhir sekali, ribuan terima kasih dan syabas diucapkan kepada warga ILKAP atas sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2020. Semoga kita semua akan terus berusaha ke arah kecemerlangan dan kemajuan ILKAP. Tatkala virus COVID-19 masih menular tiada henti, marilah kita mengubah persepsi, memasakkan tekad di hati, mencabar diri untuk terus berbakti dan berkhidmat sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**YBHG. DATIN ROZITA BINTI RAMLI**  
**KETUA PENGARAH**  
**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
**(ILKAP)**

# MAKLUMAT KORPORAT

- Objektif, Fungsi, Visi, Misi dan Piagam Pelanggan
- Struktur Organisasi ILKAP
- Lembaga Pengurusan ILKAP 2020
- Pemegang Taruh (*Stakeholders*)
- Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

# OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan pekhidmat awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.



# FUNGSI



Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan;

Menjalankan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan dan analisis impak kepada organisasi dan pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang; dan

Menjalankan kajian dan penerbitan berkaitan dengan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan semasa.



Peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia.



Peningkatan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguat kuasa undang-undang dengan menyediakan latihan yang relevan, berkualiti dan berkesan.

# VISI

# MISI

## PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang:

Kami berjanji akan:

- merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- menjalankan tidak kurang dari 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat dari sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberikan maklum balas dalam tempoh 48 jam.

# CARTA ORGANISASI ILKAP



# LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP



**YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI**  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
(PENGURUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP)



**YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN**  
PEGUAM NEGARA MALAYSIA



**YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN**  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



**YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON**  
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA



**YBRS. TUAN AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH**  
KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA



**YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN**  
KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI



**YBRS. PROF MADYA DR. HARTINI BINTI SARIPAN**  
DEKAN FAKULTI UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)




**YBHG. DATO' HAJAH HAZIZAH BINTI KASSIM**  
PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA  
TETUAN HAZIZAH & CO.



**YBHG. DATIN ROZITA BINTI RAMLI**  
KETUA PENGARAH ILKAP  
SETIAUSAHA LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

# PEMEGANG TARUH ( *STAKEHOLDERS* ) ILKAP



## MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP 2020

Lembaga Pengurusan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) merupakan badan pentadbir ILKAP yang berperanan menetapkan matlamat jangka panjang, menggubal dasar dan mengawal program ILKAP. Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan dua orang ahli yang dilantik, iaitu seorang Peguam Bela dan Peguam Cara dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP pula bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan.

Pada tahun 2020, kedua-dua Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP telah diadakan secara edaran. Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2020 telah dibuat secara edaran pada 18 Jun 2020 manakala Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2020 pada 4 November 2020. Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP bagi tahun 2020 telah diadakan secara edaran akibat penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan selaras dengan arahan kerajaan untuk tidak mengadakan mesyuarat secara bersemuka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuat kuasa sebagai salah satu

langkah untuk mencegah penularan wabak COVID-19. Bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2020 beberapa perkara penting telah dilaporkan, antaranya ialah Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tempoh 1 September 2019 hingga 31 Mac 2020, Laporan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Prestasi Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019. Satu Kertas Pemakluman Pelaksanaan Program Latihan ILKAP secara dalam talian (*online*) bagi kursus yang tertangguh pada 16 dan 17 Mac 2020, sepanjang tempoh PKP dan PKPB turut dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2020 tersebut.

Bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2020 pula, perkara yang dibawa untuk makluman Ahli Lembaga ialah Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP dari 1 April hingga 31 Ogos 2020, Laporan Anggaran Belanja Mengurus, Prestasi Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2020 dan Kertas Pemakluman Kursus Berjadual ILKAP 2020 yang Digugurkan atau Dibatalkan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP. Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP bagi Tahun 2021 juga telah dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Ahli Lembaga.

Satu sesi taklimat mengenai Kertas Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2020 juga telah diberikan kepada YBhg. Tan Sri KSN pada 12 November 2020 di Jabatan Perdana Menteri.





# **PEJABAT PENGURUSAN TERTINGGI ILKAP**

# PEJABAT KETUA PENGARAH ILKAP





# PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH I L K A P






# **BAHAGIAN LATIHAN ILKAP**

## PROGRAM PERUNDANGAN

Program Perundangan, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Perundangan ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 15 kursus / bengkel / seminar berjadual bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Seramai 469 orang peserta telah menyertai program latihan anjuran Program Perundangan ILKAP pada tahun 2020.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Perundangan ILKAP pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

### PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.  | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                                        | TARIKH                | JUMLAH PESERTA |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
| BKS 1 | Bengkel Teknik Kemahiran Semakan dan Cetakan Semula Undang-Undang                                       | 14 – 15 Januari 2020  | 29             |
| BKS 2 | Kursus ' <i>Audi Alteram Partem</i> ' – Maksud dan Pemakaiannya dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran | 21 – 22 Januari 2020  | 36             |
| BKS 3 | Kursus Berkaitan Perundangan Halal di Malaysia                                                          | 28 – 30 Januari 2020  | 39             |
| BKS 4 | Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen                                                                     | 11 – 13 Februari 2020 | 35             |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.   | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                                                                                                                           | TARIKH                        | JUMLAH PESERTA |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|----------------|
| BKS 5  | Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)                                                                           | 25 – 27 Februari 2020         | 38             |
| BKS 6  | Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang                                                                                                                                                | 4 – 6 Ogos 2020               | 32             |
| BKS 7  | Kursus Kefahaman Akta Syarikat 2016 [ <i>Akta 777</i> ] dan Penggubalan Syarikat                                                                                                           | 11 Ogos 2020                  | 30             |
| BKS 8  | Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [ <i>Akta 747</i> ] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan dengannya | 17 – 19 Ogos 2020             | 23             |
| BKS 9  | Bengkel Peranan Pegawai Undang-Undang dalam Persediaan Penggubalan Perundangan                                                                                                             | 24 – 27 Ogos 2020             | 32             |
| BKS 10 | Kursus Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [ <i>Akta 711</i> ] dan Akta Perlindungan Saksi 2009 [ <i>Akta 696</i> ] – Keberkesanan dan Cabaran                                         | 8 – 9 Ogos 2020               | 24             |
| BKS 11 | Kursus Perlindungan Data Peribadi – Bahaya <i>Scam</i>                                                                                                                                     | 22 September 2020             | 23             |
| BKS 12 | Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan                                                                                                                                     | 29 September – 1 Oktober 2020 | 23             |
| BKS 13 | Kursus Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif di bawah Undang-Undang                                                                                                                         | 21 Oktober 2020               | 23             |



## PROGRAM LATIHAN SECARA DALAM TALIAN




| BIL.        | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                           | TARIKH          | JUMLAH PESERTA |
|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|----------------|
| BKSON9<br>1 | Seminar Mengenai Konsep Perkhidmatan Pra-Bayar: Hak Pengguna di bawah Perundangan Malaysia | 6 Oktober 2020  | 22             |
| BKSON9<br>2 | Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia                                                    | 30 Oktober 2020 | 60             |

## WARGA PROGRAM PERUNDANGAN



## PROGRAM KEHAKIMAN

Program Kehakiman, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Kehakiman ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 15 kursus / bengkel / seminar berjadual bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Seramai 534 orang peserta telah menyertai program latihan anjuran Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2020.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

### PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.  | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                 | TARIKH                | JUMLAH PESERTA |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
| BKS 1 | Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah                      | 21 – 22 Januari 2020  | 50             |
| BKS 2 | Seminar Undang-Undang Fitnah Internet ( <i>Internet Defamation</i> ) di Malaysia | 28 Januari 2020       | 54             |
| BKS 3 | Seminar Pelupusan Barang Kes bagi Kes-Kes Jenayah                                | 18 Februari 2020      | 54             |
| BKS 4 | <i>Workshop On Arbitration, Construction Law and Adjudication</i>                | 25 – 27 Februari 2020 | 28             |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.      | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                                             | TARIKH                        | JUMLAH PESERTA |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|----------------|
| BKS<br>5  | Kursus Kes-Kes Jenayah di Bawah Bidang Kuasa Majistret                                                       | 25 – 26 Februari 2020         | 30             |
| BKS<br>6  | Kursus Prosedur Permohonan Penceraian Islam dan Bukan Islam di Mahkamah                                      | 10 – 11 Mac 2020              | 32             |
| BKS<br>7  | Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran – Implikasi dan Hak Pengguna                     | 21 Julai 2020                 | 21             |
| BKS<br>8  | Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)                                                      | 23 Julai 2020                 | 23             |
| BKS<br>9  | Bengkel Tatacara Seni Kepeguaman Kes-Kes Jenayah                                                             | 25 – 26 Ogos 2020             | 27             |
| BKS<br>10 | <i>Course on Crime Sentencing Process</i>                                                                    | 1 – 3 September 2020          | 28             |
| BKS<br>11 | Seminar Poligami – Hak dan Tanggungjawab Suami                                                               | 1 September 2020              | 36             |
| BKS<br>12 | Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos                                                                           | 22 – 24 Sptember 2020         | 29             |
| BKS<br>13 | <i>Workshop on Preparation of Cabinet Paper, Legal Opinion and Comments on Legal Issues in Cabinet Paper</i> | 29 September – 1 Oktober 2020 | 26             |

## PROGRAM LATIHAN SECARA DALAM TALIAN



| BIL.        | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                      | TARIKH                | JUMLAH PESERTA |
|-------------|-------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
| BKSON9<br>1 | Kursus Forensik Digital                               | 6 – 7 Oktober<br>2020 | 49             |
| BKSON9<br>2 | Seminar Hak-Hak Wanita di bawah Undang-Undang Syariah | 13 Oktober<br>2020    | 47             |

## WARGA PROGRAM KEHAKIMAN



## PROGRAM PENASIHAT

Program Penasihat, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Penasihat ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 10 kursus / bengkel / seminar berjadual bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 1 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Seramai 264 orang peserta telah menyertai program latihan anjuran Program Penasihat ILKAP pada tahun 2020 .



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Penasihat ILKAP pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

### PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.  | TAJUK KURSUS/BENGKEL/SEMINAR                                      | TARIKH                | JUMLAH PESERTA |
|-------|-------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
| BKS 1 | Kursus Penggubalan, Kemungkiran dan Penamatan Kontrak Kerajaan    | 14 – 16 Januari 2020  | 32             |
| BKS 2 | Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tatatertib Bagi Pegawai Awam  | 4 – 6 Februari 2020   | 32             |
| BKS 3 | <i>Course on Personal Data Protection – Issues and Challenges</i> | 11 – 12 Februari 2020 | 32             |
| BKS 4 | <i>Course on Interpretation Acts 1948 &amp; 196 [Act 388]</i>     | 3 – 4 Mac 2020        | 33             |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.     | TAJUK KURSUS/BENGKEL/SEMINAR                                                               | TARIKH                    | JUMLAH PESERTA |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|----------------|
| BKS<br>5 | <i>Course on Statutory Duties and Statutory Powers</i>                                     | 11 – 12 Ogos<br>2020      | 18             |
| BKS<br>6 | <i>Course on Federal and State Powers Over Land and Environment</i>                        | 18 – 19 Ogos<br>2020      | 24             |
| BKS<br>7 | Kursus Undang-Undang Tanah – Isu dan Cabaran                                               | 25 – 27 Ogos<br>2020      | 21             |
| BKS<br>8 | Kursus Punca Kuasa, Perwakilan dan Penurunan Kuasa                                         | 28 – 29<br>September 2020 | 26             |
| BKS<br>9 | Kursus Keselamatan Maklumat Kerajaan Menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan | 29 – 30<br>September 2020 | 17             |

## PROGRAM LATIHAN SECARA DALAM TALIAN



| BIL.        | TAJUK KURSUS/BENGKEL/SEMINAR    | TARIKH               | JUMLAH PESERTA |
|-------------|---------------------------------|----------------------|----------------|
| BKSON9<br>1 | Kursus Pengendalian Senjata Api | 14 September<br>2020 | 29             |

## WARGA PROGRAM **PENASIHAT**



## PROGRAM LITIGASI

Program Litigasi, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Litigasi ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 10 kursus / bengkel / seminar berjadual bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 3 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Seramai 314 orang peserta telah menyertai program latihan anjuran Program Litigasi ILKAP pada tahun 2020.



Perincian kursus / bengkel / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Litigasi ILKAP pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

### PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.  | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                  | TARIKH                               | JUMLAH PESERTA |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|----------------|
| BKS 1 | <i>Course on Pre-Trial Procedures in Civil Litigation</i>                         | 14 – 16 Januari 2020                 | 36             |
| BKS 2 | <i>Course on Crime Scene and Investigation</i>                                    | 4 – 6 Februari 2020                  | 39             |
| BKS 3 | <i>Workshop on Examination of Witnesses</i>                                       | 10 – 13 Februari 2020                | 33             |
| BKS 4 | Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil. 1/2020    | 2 – 17 Mac 2020 & 29 – 14 Julai 2020 | 30             |
| BKS 5 | Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil. 2/2020    | 3 – 26 Ogos 2020                     | 30             |
| BKS 6 | Kursus Salah Tangkap dan Salah Tahan oleh Pihak Penguatkuasaan serta Implikasinya | 18 – 19 Ogos 2020                    | 32             |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.     | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR               | TARIKH               | JUMLAH PESERTA |
|----------|------------------------------------------------|----------------------|----------------|
| BKS<br>7 | Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya | 1 – 3 September 2020 | 24             |

## PROGRAM LATIHAN SECARA DALAM TALIAN



| BIL.        | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                     | TARIKH                                                                         | JUMLAH PESERTA |
|-------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| BKSON9<br>1 | <i>Workshop on Enforcement of Forfeiture Order</i>                   | 22 – 23 September 2020                                                         | 37             |
| BKSON9<br>2 | Kursus Pendakwaan Berkesan Bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya) | 26 – 27 Oktober 2020                                                           | 29             |
| BKSON9<br>3 | <i>Course On Medico-Legal</i>                                        | 12 Oktober 2020 (kehadiran sendiri) & 26-28 Oktober 2020 (secara dalam talian) | 24             |

## KURSUS KERJASAMA



Selain itu, Program Litigasi ILKAP juga telah berjaya menganjurkan sebanyak **13** kursus kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dengan penyertaan seramai **329** orang peserta.



Perincian kursus kerjasama yang telah berjaya dilaksanakan oleh ILKAP dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

| BIL.  | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                                                                            | TARIKH                | JUMLAH PESERTA |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------|
| KK 1  | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Jabatan Pendaftaran Negara                                                                                | 10 – 13 Februari 2020 | 30             |
| KK 2  | Kursus Elemen Pembuktian Siasatan Bil. 1 Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna                                                    | 17 – 21 Februari 2020 | 29             |
| KK 3  | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan bagi Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia                                   | 2 – 5 Mac 2020        | 26             |
| KK 4  | Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan Jabatan Pendaftaran Negara                                                                     | 9 – 13 Mac 2020       | 30             |
| KK 5  | Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar                                                                 | 13 – 16 Julai 2020    | 22             |
| KK 6  | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Siri 1 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia                                                  | 20 – 23 Julai 2020    | 25             |
| KK 7  | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan (Akta Juruanalisis Makanan 2011) Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia | 3 – 6 Ogos 2020       | 13             |
| KK 8  | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Siri 1/2020                                                                  | 10 – 13 Ogos 2020     | 30             |
| KK 9  | Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan Siri 1 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia                                       | 24 – 28 Ogos 2020     | 25             |
| KK 10 | Kursus Penyediaan Kertas Siasatan bagi Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia                                                                | 1 – 4 September 2020  | 30             |
| KK 11 | Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasat Taska dan Pusat Jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat                                                     | 7 – 10 September 2020 | 15             |

| BIL.  | TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR                                                                                     | TARIKH                        | JUMLAH PESERTA |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|----------------|
| KK 12 | Kursus Elemen Pembuktian Siasatan Bil. 2 Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna                             | 21 – 24 September 2020        | 30             |
| KK 13 | Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan bagi Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia | 28 September – 2 Oktober 2020 | 24             |

## WARGA PROGRAM LITIGASI



## PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program PKP ILKAP) telah berjaya menganjurkan sebanyak 11 kursus / seminar berjadual bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 1 kursus telah diadakan secara dalam talian (*online*). Seramai 336 orang peserta telah menyertai program latihan anjuran Program PKP ILKAP pada tahun 2020.



Perincian kursus / seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program PKP ILKAP pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

### PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.  | TAJUK KURSUS/BENGKEL/SEMINAR                                       | TARIKH               | JUMLAH PESERTA |
|-------|--------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------|
| BKS 1 | Kursus Pengurusan Masa dan Pengurusan Stress yang Berkesan         | 21 – 22 Januari 2020 | 42             |
| BKS 2 | <i>Course on Balancing Work and Life with Optimum Productivity</i> | 18 Februari 2020     | 45             |
| BKS 3 | <i>Course on Effective Communication Skills</i>                    | 10 Mac 2020          | 31             |
| BKS 4 | <i>Speaking With Confidence: An English Language Course</i>        | 5 Ogos 2020          | 20             |

## PROGRAM LATIHAN BERJADUAL



| BIL.      | TAJUK KURSUS/BENGKEL/SEMINAR                                                                                                | TARIKH                    | JUMLAH PESERTA |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|----------------|
| BKS<br>5  | <i>"You Lead The Ship": A Leadership Course</i>                                                                             | 11 Ogos 2020              | 24             |
| BKS<br>6  | Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian<br>Majlis Rasmi Kerajaan                                                        | 25 – 26 Ogos<br>2020      | 19             |
| BKS<br>7  | <i>Course on Dealing with Difficult People in the<br/>Workplace</i>                                                         | 8 – 9 September<br>2020   | 39             |
| BKS<br>8  | Kursus Transformasi Diri Ke Arah<br>Transformasi Prestasi                                                                   | 15 September<br>2020      | 32             |
| BKS<br>9  | <i>English Language Course at Workplace</i>                                                                                 | 22 – 23<br>September 2020 | 21             |
| BKS<br>10 | Kursus Pembangunan Modul Kurikulum<br>Latihan dan Pengurusan Serta Pengendalian<br>Mesyuarat dan Penyediaan Minit Mesyuarat | 28 – 30<br>September 2020 | 17             |

## PROGRAM LATIHAN SECARA DALAM TALIAN



| BIL.        | TAJUK<br>KURSUS/BENGKEL/SEMINAR                                           | TARIKH          | JUMLAH<br>PESERTA |
|-------------|---------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------|
| BKSON9<br>1 | Seminar Media Sosial: Cabaran dan<br>Penggunaan dalam Organisasi Kerajaan | 28 Oktober 2020 | 46                |

## WARGA PROGRAM **PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN**





# **BAHAGIAN PENGURUSAN ILKAP**

## SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN ILKAP

Pada tahun 2020, ILKAP telah menerima peruntukan sejumlah RM9.11 juta untuk melaksanakan program dan aktiviti yang merangkumi pelaksanaan program latihan, pembayaran emolumen, penyelenggaraan, penaiktarafan kemudahan dan perbelanjaan lain yang dibenarkan. Sehingga 31 Disember 2020, ILKAP telah berjaya membelanjakan (termasuk tanggungan) sebanyak 99.74% daripada bajet yang diperuntukkan.

Di samping peruntukan perbelanjaan mengurus, ILKAP memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 daripada Akaun Amanah ILKAP bagi melaksanakan program latihan. Sehingga 31 Disember 2020, seramai 90% pegawai ILKAP telah menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari kursus / latihan yang dilaksanakan secara dalaman, anjuran kementerian/ agensi dan pihak swasta yang lain. Latihan yang diberikan adalah berbentuk generik dan fungsian merangkumi keseluruhan bidang yang berkaitan.

Berdasarkan 102 perjawatan yang diluluskan, sebanyak 89 jawatan telah diisi sehingga 31 Disember 2020—

| KUMPULAN PERKHIDMATAN     | PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|---------------------------|------------|-----------|------------|
| Pengurusan Tertinggi      | 2          | 2         | 0          |
| Pengurusan & Professional | 32         | 24        | 8          |
| Pelaksana                 | 68         | 63        | 5          |
| <b>Jumlah</b>             | <b>102</b> | <b>89</b> | <b>13</b>  |



## SEKSYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET ILKAP

Sepanjang tahun 2020, ILKAP telah melaksanakan beberapa kerja baik pulih dan naik taraf fasiliti di ILKAP. Kerja-kerja yang melibatkan peruntukan hampir RM1 juta itu telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor dan JKR Daerah Hulu Langat yang meliputi –

Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Kawasan dan Penyelenggaraan Elektrik

Kerja-Kerja Baik Pulih dan Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air Termasuk Pam Penggalak, Sistem Pam Pencegah Kebakaran dan Penggantian Tangki Air Simpanan

Kerja-Kerja Baik Pulih Gelanggang Sukan

Kerja-Kerja Penukaran Paip Air Bawah Tanah



Unit Domestik bertanggungjawab menguruskan semua aspek domestik di ILKAP termasuk pengurusan bangunan Asrama A, B dan Asrama Eksekutif. Walau bagaimanapun, penggunaan asrama hanyalah sehingga 15 Mac 2020 sahaja. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan mula berkuat kuasa di seluruh negara pada 18 Mac 2021, bangunan Asrama A dan B telah diwartakan oleh kerajaan sebagai Stesen Kuarantin bagi Pesakit bawah Siasatan (PUI) dan Pesakit dalam Pemantauan (PUS). Penggunaan fasiliti ILKAP di bawah Pusat Latihan Malaysia (MyTC) juga terkesan dengan hanya 22 sewaan sahaja diterima setakat Mac 2020.

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 257 aduan kerosakan telah diterima oleh Seksyen ini daripada

kakitangan ILKAP dan peserta program latihan anjuran ILKAP. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80% aduan disalurkan kepada Unit Penyelenggaraan untuk tindakan pembaikan, 13% aduan disalurkan kepada Seksyen Teknologi Maklumat dan 7% aduan untuk tindakan Unit Pengurusan Aset dan Unit Domestik. Respons bagi semua aduan telah berjaya diberikan dalam tempoh 48 jam hari bekerja dengan mematuhi Standard ISO 9001:2015.

Di samping itu, Unit Pengurusan Aset telah berjaya melaksanakan Pemeriksaan Aset Tahun 2020 dan pelupusan aset. Selain itu, Unit ini juga telah berjaya mencapai Kadar Pusingan Stok sebanyak 5.255 pada tahun 2020.

## SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT ILKAP

### Program *Coaching* Pembangunan Aplikasi Mudah Alih OSDeC, MAMPU

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Seksyen Teknologi Maklumat telah mengambil peluang menyertai sesi *coaching* di bawah inisiatif Program Pembangunan Sistem dan Keupayaan Sumber Terbuka (OSDeC), MAMPU.

Program *coaching* ini bertujuan untuk membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada pegawai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sektor awam bagi meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan potensi diri ke tahap yang optimum dalam pembangunan sistem aplikasi secara *in-house*. Sesi *coaching* yang dilaksanakan tersebut berjumlah 28 hari bermula pada 24 Februari 2020 dan berakhir pada 13 November 2020.

Lanjutan daripada itu, satu aplikasi mudah alih iaitu MyICMAS Penilaian telah berjaya dibangunkan. MyICMAS Penilaian ini merupakan salah satu modul penilaian kursus yang terdapat dalam Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu (ICMAS). Pembangunan MyICMAS Penilaian Versi 1.0 ini memberikan tumpuan khusus kepada pengguna *android* dan masih dalam peringkat pengujian dan penambahbaikan.

### Pengauditan Indeks Pemuatan ICT

Pengauditan Indeks Pemuatan ICT di ILKAP telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri pada 12 Oktober hingga 16 Oktober 2020. Pengauditan dijalankan untuk menilai tahap pengurusan ICT di ILKAP melalui kawalan dalaman pengurusan projek, kawalan kemudahan, pembangunan aplikasi ICT dan pengurusan aset ICT dengan pemuatan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Semua maklum balas yang diterima dari sesi pengauditan telah diambil tindakan oleh Seksyen Teknologi Maklumat dan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan ICT sentiasa diteruskan bagi memastikan perkhidmatan ICT di ILKAP berada pada tahap yang optimum.

### Program Latihan Dalam Talian

Selaras dengan norma baharu yang bertujuan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19, ILKAP telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program latihan dalam talian bagi beberapa program latihan yang terpilih.

Bagi memenuhi keperluan pelaksanaan program latihan dalam talian, Seksyen Teknologi Maklumat telah melaksanakan perolehan bagi peralatan sidang video pada Julai 2020. Sesi ceramah dan demonstrasi berkaitan dengan tatacara pengendalian program latihan dalam talian telah diadakan menerusi Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2020 anjuran Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP. Ceramah dan sesi amali yang diadakan pada 28 Ogos 2020 itu bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan di Bahagian Latihan ILKAP cara-cara mengendalikan program latihan dalam talian menggunakan kamera *Candao* dan perisian *Cisco Webex Meetings*.



Pelaksanaan program latihan dalam talian telah berjaya dimulakan oleh ILKAP pada tahun 2020 dan Seksyen Teknologi Maklumat telah memberikan khidmat tunggu sedia (*standby*) dan bantuan teknikal sepanjang perjalanan program latihan dalam talian tersebut. Pelaksanaan program latihan secara dalam talian ini memberikan nilai tambah kepada pengetahuan, pengalaman dan kemahiran sedia ada pegawai dan kakitangan ILKAP dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan ILKAP.

Walaupun ada yang diamanahkan bertugas sebagai petugas bantuan teknikal ICT bagi Stesen Kuarantin ILKAP, namun Seksyen Teknologi Maklumat gigih menggalas amanah dan tanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan ICT di ILKAP terus cemerlang.

Bagi tahun 2021, Seksyen Teknologi Maklumat bersedia memainkan peranan yang lebih aktif dan sentiasa bersiaga dalam memastikan kelangsungan dan mutu perkhidmatan ILKAP tidak terhalang oleh kekangan yang berlaku akibat pandemik COVID-19.

## WARGA BAHAGIAN PENGURUSAN



## SEKSYEN KEWANGAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN



## SEKSYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET



# **BAHAGIAN MAKLUMAT ILKAP**

## PENGENALAN

Pusat Sumber Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) merupakan nadi penggerak dalam memupuk dan membina peribadi warga ILKAP yang berilmu, berakhlak dan profesional.

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Sepanjang tahun 2020, Pusat Sumber ILKAP telah melaksanakan 19 program dan aktiviti galakan membaca, termasuklah Program Library2U@ILKAP, Sesi Bicara Buku, pameran bertema, hebahan e-mel dan lawatan ke Karnival Jualan Buku Malaysia.



## Sesi Bicara Buku

Program ini merupakan inisiatif Galakan Membaca sewaktu penularan pandemik COVID-19 berlaku di negara ini. Bagi membudayakan minat membaca di kalangan warga ILKAP, program ini dilaksanakan tanpa mengabaikan arahan semasa kerajaan dan program ini menerima sambutan baik daripada warga ILKAP. Video Sesi Bicara Buku ini boleh diakses di laman facebook ILKAP menerusi pautan:

[https://www.facebook.com/pg/ilkapbangi/videos/?ref=page\\_internal](https://www.facebook.com/pg/ilkapbangi/videos/?ref=page_internal)



## PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pusat Sumber ILKAP bertanggungjawab untuk memproses bahan perpustakaan yang diterima melalui pembelian, hadiah dan pinjaman berkelompok sebagai usaha memperkukuh koleksi untuk pinjaman dan rujukan pengunjung Pusat Sumber ILKAP. Semua ini dikatalogkan mengikut standard pengelasan *MOYS Classification & Thesaurus for Legal Materials*.


## PERKHIDMATAN

Pada tahun 2020, seramai 5,237 pengunjung secara fizikal dan maya telah menggunakan perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP. Sebanyak 237 jumlah bahan bacaan pula telah dipinjam dan dirujuk oleh pengguna. Langganan pangkalan data digital seperti LexisNexis, Lawnet dan CLJLaw turut disediakan oleh Pusat Sumber ILKAP. Sebanyak 2,400 naskhah koleksi bacaan umum seperti novel, buku agama dan buku motivasi telah diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia di bawah pinjaman berkelompok untuk santapan minda warga ILKAP. Selain itu, perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan juga disediakan sekiranya pengguna memerlukan bahan bacaan yang tidak disimpan dalam koleksi Pusat Sumber ILKAP.

Di samping itu, Pusat Sumber ILKAP juga memainkan peranan penting dalam tugas fotografi, rekaan grafik percetakan dan pencetakan, dengan pencapaian menggalakkan pada tahun 2020, iaitu sebanyak 35 sesi fotografi dan 58 rekaan grafik merangkumi penyediaan buku, laporan, risalah, majalah, poster, *webposter*, *banner* dan *bunting*.

Pusat Sumber ILKAP berazam untuk menjadikan budaya membaca sebagai gaya hidup warga ILKAP. Dengan itu, pelbagai program yang lebih menarik dan menyeluruh akan diadakan pada masa hadapan.

### Koleksi Pusat Sumber ILKAP (Sehingga Disember 2020)





## BAHAGIAN MAKLUMAT



# **UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI ILKAP**

# UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

## PENGENALAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) merupakan Unit yang memainkan peranan dalam—

membantu meningkatkan program latihan ILKAP dari segi keperluan, kesesuaian dan keberkesanan setiap program latihan tersebut supaya kekal relevan dan mengikut kehendak dan keperluan semasa

menyelaras dengan Bahagian Latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap kursus / bengkel / seminar dapat dijalankan secara efisien dan berkesan selaras dengan objektif, fungsi, visi dan misi ILKAP secara keseluruhannya

melaksanakan kasji selidik mengenai keperluan latihan dan pembangunan kurikulum sesuatu program latihan yang dianjurkan bagi mengenal pasti pakej latihan yang lebih menepati kehendak dan hasrat sesuatu kumpulan sasaran yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam sesuatu bidang bagi kumpulan sasaran tersebut

melaksanakan kajian keberkesanan program latihan di ILKAP melalui penilaian impak bagi memastikan program latihan yang diketengahkan adalah bermanfaat, relevan dan terkini kepada semua peserta program latihan

menerbitkan bahan rujukan undang-undang dan penerbitan lain mengenai ILKAP seperti ILKAP E- Newsletter (Insight), Buku Laporan Tahunan ILKAP dan Buku Program Latihan Tahunan ILKAP

## PELAN STRATEGIK ILKAP 2015 – 2020

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP berperanan sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ILKAP (JPPSI) bagi Pelan Strategik ILKAP 2015-2020. Mesyuarat JPPSI yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah ILKAP diadakan sebanyak dua kali setahun bagi menilai dan mengkaji semula pencapaian tenaga kerja ILKAP berdasarkan indikator dan sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik ILKAP 2015-2020.

Pada tahun 2020, Mesyuarat JPPSI Bil. 1/2020 telah diadakan pada 22 Julai 2020 bagi tempoh pelaksanaan strategik dari bulan Januari hingga Jun 2020. Mesyuarat JPPSI Bil. 2/2020 pula telah diadakan pada 24 Disember 2020 bagi tempoh pelaksanaan strategik dari bulan Julai hingga Disember 2020.

ILKAP dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan membangunkan Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 bagi memastikan hala tuju ILKAP tercapai, sejajar dengan visi dan misi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia



## PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN KURIKULUM KURSUS / BENGKEL / SEMINAR

Pada tahun 2020, ILKAP telah meneruskan usaha untuk memastikan semua program latihan yang dijalankan oleh ILKAP sentiasa ditambah baik dan isu-isu terkini diketengahkan.

Bagi meningkatkan kualiti program latihan, perbincangan dengan pemegang taruh ILKAP dilaksanakan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum Kursus (JKKSK).

Mesyuarat JKKK diadakan bagi membangunkan kurikulum program latihan yang baharu. Mesyuarat JKSK pula diadakan untuk menambah baik kurikulum program latihan sedia ada agar sejajar dengan perkembangan undang-undang semasa. Ini bagi memastikan latihan yang disampaikan kepada para peserta adalah sejajar dengan perkembangan terkini berkaitan dengan isu semasa dan undang-undang di Malaysia.

Berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang berkuat kuasa bermula 9 November hingga 31 Disember 2020 di Selangor, Mesyuarat JKKK dan JKSSK telah dikendalikan secara hibrid. Pegawai-pegawai ILKAP hadir mesyuarat di konti ILKAP manakala pemegang taruh dan pihak berkepentingan menyertai mesyuarat

secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Cisco Webex Meetings.

Sebanyak **28 Mesyuarat JKKK dan JKSSK** telah berjaya dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP bermula 25 November hingga 18 Disember 2020.

|    |                                    |                                                 |
|----|------------------------------------|-------------------------------------------------|
| WI | 11:00 AM - 12:30 PM<br>Mon, Dec 14 | MESYUARAT JKKK/JKSSK ILKAP<br>Webex Admin ILKAP |
| WI | 9:00 AM - 10:30 AM<br>Tue, Dec 15  | MESYUARAT JKKK/JKSSK ILKAP<br>Webex Admin ILKAP |
| WI | 11:00 AM - 12:30 PM<br>Tue, Dec 15 | MESYUARAT JKKK/JKSSK ILKAP<br>Webex Admin ILKAP |
| WI | 9:00 AM - 10:30 AM<br>Wed, Dec 16  | MESYUARAT JKKK/JKSSK ILKAP<br>Webex Admin ILKAP |
| WI | 11:00 AM - 12:30 PM<br>Wed, Dec 16 | MESYUARAT JKKK/JKSSK ILKAP<br>Webex Admin ILKAP |



## SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK) TAHUN 2020 BAGI PROGRAM LATIHAN ILKAP 2021

| BIL. | TAJUK MESYUARAT JKJK                                                                                                     | TARIKH     |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.   | Kursus Sisa Pepejal – Peranan Mahkamah dan Tanggungjawab Penguatkuasaan                                                  | 26.11.2020 |
| 2.   | <i>Charitable Trust in Malaysia: Laws and Regulations (Secara Online)</i>                                                | 27.11.2020 |
| 3.   | Bengkel Pembaharuan Undang-Undang dari Sudut Polisi dan Proses Rundingan                                                 | 30.11.2020 |
| 4.   | Kursus Seni Kepeguaman berhubung Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat                                                   | 30.11.2020 |
| 5.   | Kursus Asas Penolong Pegawai Undang-Undang di Mahkamah                                                                   | 4.12.2020  |
| 6.   | Kursus Konflik Undang-Undang Tanah Dalam Mahkamah Syariah                                                                | 4.12.2020  |
| 7.   | Seminar Kepedulian Organisasi Komersial mengenai Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] | 10.12.2020 |
| 8.   | Kursus Penterjemahan untuk Jurubahasa Mahkamah kerjasama dengan Institut Terjemahan Buku Malaysia                        | 14.12.2020 |
| 9.   | Kursus Mahkamah Industri                                                                                                 | 18.12.2020 |

## SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKKSK) TAHUN 2020 BAGI PROGRAM LATIHAN ILKAP 2021

| BIL. | TAJUK MESYUARAT JKJKSK                                                                                   | TARIKH     |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.   | Seminar Undang-Undang Fitnah Internet ( <i>Internet Defamation</i> ) Di Malaysia (Secara <i>Online</i> ) | 25.11.2020 |
| 2.   | Seminar Pelupusan Barang Kes Bagi Kes-Kes Jenayah (Secara <i>Online</i> )                                | 25.11.2020 |

| BIL. | TAJUK MESYUARAT JKKS                                                                                       | TARIKH     |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.   | Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi                                                           | 26.11.2020 |
| 4.   | <i>Course On Expert Evidence In the Civil and Criminal Cases</i>                                           | 27.11.2020 |
| 5.   | Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya (Secara Online)                                             | 3.12.2020  |
| 6.   | Kursus Pendakwaan Berkesan Bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya)                                       | 3.12.2020  |
| 7.   | <i>Course on Interpretation Acts 1948 &amp; 1967 [Act 388]</i>                                             | 7.12.2020  |
| 8.   | Bengkel Teknik dan Kemahiran Semakan dan Cetakan Semula Undang-Undang                                      | 7.12.2020  |
| 9.   | Seminar Keganasan Rumah Tangga (Secara Online)                                                             | 8.12.2020  |
| 10.  | <i>Course on Human Rights: Child Marriage from Domestic and International Perspectives</i> (Secara Online) | 8.12.2020  |
| 11.  | <i>Course On Medico-Legal</i>                                                                              | 9.12.2020  |
| 12.  | Kursus Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif di bawah Undang-Undang                                         | 9.12.2020  |
| 13.  | <i>Workshop On Examination of Witnesses</i>                                                                | 10.12.2020 |
| 14.  | <i>Course On Personal Data Protection – Issues and Challenges</i> (Secara Online)                          | 14.12.2020 |
| 15.  | <i>Course On Pre-Trial Procedures In Civil Litigation</i> (Secara Online)                                  | 15.12.2020 |
| 16.  | Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan)                                                               | 15.12.2020 |
| 17.  | Kursus Berkaitan Perundangan Halal di Malaysia (Secara Online)                                             | 16.12.2020 |
| 18.  | Kursus Perlindungan Data Peribadi – Bahaya Scam                                                            | 17.12.2020 |
| 19.  | <i>Course On Crime Scene and Investigation</i>                                                             | 18.12.2020 |

## PENERBITAN

Pada tahun 2020, Unit Penyelidikan dan Inovasi telah berjaya menerbitkan Buku Program Latihan ILKAP 2020, Buku Laporan Tahunan ILKAP 2019 dan ILKAP *E-Newsletter (Insight)* Bil. 1/2020 dan Bil. 2/2020 yang boleh diakses menerusi laman sesawang ILKAP di pautan:

<http://www.ilkap.gov.my/penerbitan.php>



Selain itu, Unit Penyelidikan dan Inovasi juga telah menerbitkan **Kertas Penyelidikan ILKAP 2020** di laman sesawang ILKAP. Kertas Penyelidikan ini disediakan oleh pegawai Bahagian Latihan ILKAP yang diketuai oleh Tuan Roshan a/l Karthi Kayan bertajuk:

**Strata Living: Harmony and Maintenance**

<http://www.ilkap.gov.my/kertaspenyelidikan.php>

## PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI

Dalam menyokong usaha dan polisi Kerajaan untuk menyemai dan mengamalkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam, Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan melaksanakan program inovasi ILKAP yang berikut:

| BIL. | NAMA PROGRAM / AKTIVITI INOVASI                          | TARIKH           |
|------|----------------------------------------------------------|------------------|
| 1.   | Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2020                 | 21 Februari 2020 |
| 2.   | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 1/2020 | 5 Ogos 2020      |
| 3.   | Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2020                 | 28 Ogos 2020     |
| 4.   | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 2/2020 | 11 November 2020 |

Pada 21 Februari 2020, Unit ini telah menganjurkan Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2020 dengan pembentangan yang disampaikan oleh Pemenang Tempat Pertama Pertandingan Inovasi ILKAP 2019 bagi kedua-dua Kategori *ICT* dan *Non-ICT*. Pemenang Kategori *ICT*, iaitu Kumpulan yang diketuai oleh En. Hanif Jamaludin telah membentangkan penerangan tentang produk bertajuk “Kongsi Tanda Sayang (KTS Ver.1)”. Johan Kategori *Non-ICT* pula, Puan Surina Ab. Rahman telah membentangkan penerangan untuk produk yang dinamakan “The Flash”.



Pada tahun 2020, beberapa produk inovasi yang diketengahkan dalam Pertandingan Inovasi ILKAP 2019 telah dilaksanakan di ILKAP seawal tahun 2020. Antaranya ialah **Produk “Kongsi Tanda Sayang (KTS Ver.1)”** yang telah diasimilasikan dalam sistem perkhidmatan ILKAP dengan tujuan untuk meningkatkan mutu dan memudahkan pelaksanaan tugas pengurusan program latihan ILKAP. **Produk Inovasi “Scan and Go”** yang diperkenalkan untuk menyahut cabaran perkembangan teknologi semasa juga telah dilaksanakan. Dengan hanya mengimbas kod QR yang dipamerkan di sekitar kompleks ILKAP, peserta boleh mendapat pelbagai maklumat berkaitan dengan ILKAP. Produk inovasi ini tidak terhad kepada warga ILKAP dan digalakkan untuk digunakan oleh pengunjung dan peserta program latihan anjuran ILKAP bagi mendapatkan maklumat dan lokasi program latihan di ILKAP.



Inovasi 2020-Jadual Penggunaan Fasilitas (Jadual) 11 Mar 2020 - Excel

| Sl  | Program    | Penyelenggara | Urus Setor | Tarikh Mula | Bulan    | Tarikh Tamat | Bulan    | Bilik Kuliah 1 | Bilik Kuliah 2 | Bilik Kuliah 3 | Ruang Makan (Sarapan) | Ruang Makan (Tengah Hari) | Ruang Makan (Malam) | Peserta Menghadap Di |
|-----|------------|---------------|------------|-------------|----------|--------------|----------|----------------|----------------|----------------|-----------------------|---------------------------|---------------------|----------------------|
| 93  | Penyusunan | Ezrahan       | Suma       | 10          | Februari | 13           | Februari | Enakmen        |                |                | Depan Kelas           | Dewan Makan               | Dewan Makan         | Azema AB             |
| 94  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 15          | Januari  | 16           | Januari  | BK 1           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | -                   |                      |
| 95  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 26          | Januari  | 29           | Januari  | BK 3           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | -                   |                      |
| 96  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 28          | Januari  | 31           | Januari  | BK 4           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | Dewan Makan         | Azema AB             |
| 97  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 20          | Februari | 22           | Februari | Dewan Kuliah   |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | Bankuot 2           | Azema AB             |
| 98  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 18          | Februari | 20           | Februari | BK 2           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | Bankuot 2           | Azema AB             |
| 99  | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 11          | Februari | 13           | Februari | BK 2           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | Bankuot 2           | Azema AB             |
| 100 | MyTC       | Hafina Ali    | Ezema      | 4           | Februari | 6            | Februari | BK 3           |                |                | Bankuot 2             | Bankuot 2                 | Bankuot 2           | Azema AB             |




Unit ini telah menyelaraskan penganjuran Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2020 yang telah diadakan pada 28 Ogos 2020 dengan tema pembentangan yang berkisar tentang pelaksanaan program latihan secara dalam talian di ILKAP. Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2020 ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada warga ILKAP yang berkaitan supaya mereka dapat bersiap siaga apabila menganjurkan program latihan secara dalam talian. Penerangan dan sesi latihan amali telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Seksyen Teknologi Maklumat ILKAP, En. Fariz Rizal bin Rasdi diikuti dengan perkongsian pengalaman daripada Tuan Muhamad Yasser bin Mohd Nasri dan Tuan Haslamizan bin Maliki daripada Bahagian Latihan ILKAP.

Tertakluk kepada keadaan semasa serta arahan Kerajaan berhubung dengan pandemik COVID-19, Unit Penyelidikan dan Inovasi sentiasa bersedia untuk memastikan pelaksanaan program inovasi yang melibatkan warga ILKAP dapat dijalankan pada tahun 2021.





## UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI



# **UNIT INTEGRITI ILKAP**

# UNIT INTEGRITI

## PENGENALAN

Unit Integriti di agensi awam ditubuhkan dengan objektif untuk menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya semua inisiatif untuk menginstitusikan integriti dapat dilaksanakan secara lebih fokus dan terancang. Unit Integriti Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bertanggungjawab melaksanakan enam (6) fungsi teras yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013:



Unit Integriti bertanggungjawab memastikan warga ILKAP mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan warga ILKAP. Pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2020 dilaksanakan bagi memupuk semangat tersebut. Inisiatif ini bertujuan untuk membendung salah laku jenayah dan pelanggaran terhadap tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan warga ILKAP. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Unit Integriti ILKAP pada tahun 2020 ialah:

| BIL | AKTIVITI                                                                                                                                                      | TARIKH                   |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| 1.  | Taklimat Pengenalan Pelan Antirasuah Organisasi ( <i>Organisational Anti-Corruption Plan</i> ) OACP kepada Pegawai ILKAP                                      | 15 Januari 2020          |
| 2.  | Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) ILKAP Bil. 1/2020                                                                                                     | 17 Januari 2020          |
| 3.  | Taklimat dan Kaunter Program Takaful Khas Penjawat Awam <i>myCUEPACSCare</i>                                                                                  | 21 Februari 2020         |
| 4.  | Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah 2020 Jabatan dan Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Bil. 1/2020                                                        | 25 Februari 2020         |
| 5.  | Bengkel Penulisan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi Pelaporan Tahun 2019 Anjuran Jabatan Perdana Menteri                                              | 28 Februari – 1 Mac 2020 |
| 6.  | Pelaporan Unit Integriti Agensi bagi Penggal Pertama 2020 (Januari – April 2020)                                                                              | 14 Mei 2020              |
| 7.  | Laporan Pengurusan Tatatertib, Penerimaan Hadiah, Aduan Gangguan Seksual, Perisytiharan Harta Dan Penglibatan Politik Melibatkan Pegawai Awam Bagi Tahun 2020 | 19 Mei 2020              |
| 8.  | Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) ILKAP Bil. 2/2020                                                                                                     | 16 Jun 2020              |
| 9.  | Pelaporan Unit Integriti Agensi bagi Penggal Kedua 2020 (Mei – Ogos 2020)                                                                                     | 17 September 2020        |
| 10. | Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) ILKAP Bil. 3/2020                                                                                                     | 17 Disember 2020         |
| 11. | Laporan Status Pengemaskinian KPI HRMIS Tahun 2020 bagi Kriteria 3: Perisytiharan Harta Melalui HRMIS sehingga 21 Disember 2020                               | 21 Disember 2020         |

| BIL | AKTIVITI                                                                             | TARIKH           |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 12. | Pelaporan Unit Integriti Agensi bagi Penggal Ketiga 2020 (September – Disember 2020) | 23 Disember 2020 |
| 13. | Info Integriti Bulanan                                                               | Sepanjang 2020   |
| 14. | Laporan Kedatangan Bulanan                                                           | Sepanjang 2020   |

### TAKLIMAT PENGENALAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI ( ORGANISATIONAL ANTI - CORRUPTION PLAN ) OACP



### TAKLIMAT DAN KAUNTER PROGRAM TAKAFUL KHAS PENJAWAT AWAM myCUEPACSCare



**BERKUAT KUASA**

**OGOS**

**1** Tahun 2019

Terpakai kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sebelum ini mengguna pakai **WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)**



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# PELAKSANAAN WBF

## WAKTU BEKERJA FLEKSI

DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pegawai **BOLEH** memulakan tugas pada bila-bila masa antara

**7.30** pagi  
HINGGA  
**9.00** pagi

**LEBIH** **9.00** dikira **LEWAT**

**Pelaksanaan** kebenaran pulang awal sejam kepada wanita mengandung dan suami (PP11/2017) adalah terpakai



Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan kaunter tidak terjejas dengan pelaksanaan WBF



**WBF BULAN RAMADAN**

- Waktu rehat dikurangkan
- Waktu pulang diawalkan

\* Tertakik kepada keputusan Ketua Jabatan



Bayaran Lebih Masa boleh dibayar tertakik kepada peraturan semasa berkaitan Bayaran Lebih Masa (BLM)



Ketua Jabatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa yang dikehendaki dalam tempoh waktu masuk



Pelaksanaan pekeliling turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakik kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing

Nota: Sila rujuk kepada pihak pengurusan sumber manusia agensi masing-masing untuk kaunteran lanjut.

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan 86.3/2019 | eKlipah, UKK, JPA

ISNIN JUMAAT

MASUK 7.30 hingga 9.00 am

KELUAR 4.30 hingga 6.00 pm

AHAD RABU

MASUK 7.30 hingga 9.00 am

KELUAR 4.30 hingga 6.00 pm

KHAMIS

MASUK 7.30 hingga 9.00 am

KELUAR 3.00 hingga 4.30 pm

Peraturan 4(2)(g), Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (pindaan) 2002 : "Seseorang pegawai tidak boleh tidak bertanggungjawab"

**Patuhi Waktu Bekerja Yang Telah Ditetapkan**

Muat turun pekeliling dan soalan lazim di <https://bil.ly/2L6tPld> atau scan QR Code



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Yas Jabatan Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

@jpagov

@jpa2day

## 15 CARA PENGURUSAN STRES SETIAP HARI

Sumber : @BelievePHQ

**06** KONGSI PERASAAN ANDA DENGAN RAKAN

**05** CARI MASA LAKUKAN SENAMAN HARIAN

**04** TUKAR PEMIKIRAN NEGATIF KEPADA PEMIKIRAN POSITIF

**03** LAKUKAN TEKNIK PENAFASAN 5 - 10 MINIT SEHARI

**02** AMALKAN TEKNIK RELAKSASI, IA DAPAT MENGURANGKAN STRES

**01** KENALPASTI APA YANG MENGGANGGU FIKIRAN

**07** TULIS EMOSI ANDA DALAM DIARI

**08** REHAT SECUKUPNYA

**09** AMALKAN PENJAGAAN DIRI

**10** BINA PERSEKITARAN MENTAL YANG BAIK

**11** JIKA ANDA TERKEKANG, CARI PENYELESAIAN YANG TERBAIK

**12** FOKUS DENGAN APA YANG KITA LAKUKAN

**13** CUBA BERADA DALAM SUASANA SEMASA

**14** SENARAIKAN 3 KEBAIKAN YANG ANDA LAKUKAN SETIAP HARI

**15** AMBIL UJIAN TINGKAH LAKU UNTUK MENGUKUR TAHAP PEMIKIRAN



## MAKAN ATAU MINUM DI KAFETARIA/ MEDAN SELERA PADA WAKTU PEJABAT TANPA KEBENARAN

**JAUHI PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN INTEGRITI ANDA !**

Peraturan 4(2)(g), Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (pindaan) 2002 : "Seseorang pegawai tidak boleh tidak bertanggungjawab"

**Patuhi Waktu Bekerja Yang Telah Ditetapkan**

**BERADA DI KOMPLEKS MEMBELI BELAH PADA WAKTU PEJABAT**

**TIDAK MEMATUHI WAKTU BEKERJA - MASUK LEWAT / PULANG AWAL**

**MENINGGALKAN PEJABAT TANPA KEBENARAN PENYELIA**





**LAPORAN KHAS:  
LAPORAN  
KELAB SUKAN  
DAN KEBAJIKAN  
ILKAP**

## Program Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP Tahun 2020



Pada 3 Februari 2020, Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP telah menganjurkan **Program Jom Sihat 2020** yang bertempat di *Theatrette* ILKAP. Satu ceramah kesihatan yang bertajuk "Sihatkah Aku?" telah disampaikan oleh Puan Nurhaizum Mohamed dari Bangi Fitness.



**Mesyyarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP Kali Ke-14** diadakan pada 14 Julai 2020 di Auditorium ILKAP untuk membentangkan Laporan Program dan Kewangan Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP bagi Tahun 2019.



**Majlis Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat ILKAP** telah diraikan pada 28 Ogos 2020 di Dewan Serbaguna ILKAP bersempena dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan ILKAP 2020. YBhg. Datin Rozita binti Ramli, Ketua Pengarah ILKAP telah menyempurnakan Majlis Perasmian sambutan tersebut yang dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, upacara menaikkan bendera Malaysia dan bacaan ikrar Rukun Negara oleh seluruh warga ILKAP.





# LAPORAN KHAS

## LAPORAN KHAS: STESEN KUARANTIN ILKAP

### Penggunaan ILKAP sebagai Stesen Kuarantin

Dalam usaha kerajaan untuk mengawal penularan pandemik COVID-19, ILKAP telah diwartakan sebagai Stesen Kuarantin bagi menempatkan Pesakit bawah Siasatan atau *Patient under Investigation* (PUI) dan Pesakit dalam Pemantauan atau *Person under Surveillance* (PUS) COVID-19 bermula 26 Mac 2020. Kawal selia Stesen Kuarantin ILKAP diletakkan di bawah Pegawai Daerah Hulu Langat yang bertindak selaku Penyelaras Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat. Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat pula menjadi urus setia yang menguruskan perjalanan Stesen Kuarantin ini. Pelbagai agensi Kerajaan di peringkat pusat, negeri dan daerah terlibat dalam operasi Stesen Kuarantin ILKAP termasuklah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Bilik Gerakan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Kajang dan Radicare Sdn. Bhd.

Bangunan Asrama Blok A dan B ILKAP telah digunakan untuk menempatkan semua PUI dan PUS. Antara kluster yang pernah dikuarantin di Stesen Kuarantin ILKAP ialah Kluster Sri Petaling, AnNabawiyah dan warganegara yang pulang dari luar negara.

Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Dato' Mohd. Sallehuddin bin Hassan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah membuat lawatan ke ILKAP bagi melihat fasiliti dan kesiapsiagaan ILKAP sebagai pusat kuarantin bagi PUI dan PUS COVID-19.

Sehingga 31 Disember 2020, ILKAP masih kekal diwartakan sebagai Stesen Kuarantin dan dari semasa ke semasa aktif menerima PUI dan PUS COVID-19. ILKAP berbangga dapat memainkan peranan dan diberikan amanah dan kepercayaan sebagai Stesen Kuarantin dalam membantu usaha Kerajaan Malaysia membendung penularan COVID-19.



## LAPORAN KHAS: NORMA BAHARU DI ILKAP

Dunia dikejutkan dengan berita mengenai kluster kes “*pneumonia*” yang tidak diketahui puncanya di Wuhan, China pada 31 Disember 2019. Pelbagai spekulasi mula meniti ruangan akhbar dunia dan virus yang timbul di China tersebut kemudiannya dilaporkan telah menjejak keluar dari China pada 13 Januari 2020 dengan kes pertama dilaporkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Awam di Thailand.

Bermula itu, berlakulah anjakan dalam kehidupan warga dunia apabila virus yang dinyatakan tidak merebak melalui transmisi manusia ke manusia dalam siasatan awal pihak berkuasa China telah diisytiharkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* (WHO) sebagai suatu pandemik yang meragut jutaan nyawa (2,209,195 kematian setakat 31 Januari 2021) dan merubah demografi kehidupan sejagat.

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) tidak terkecuali mengalami bahang perubahan akibat pandemik COVID-19 tersebut. Sebanyak 31 program latihan yang telah dijadualkan pada tahun 2020 terpaksa dibatalkan dan baki 39 program latihan telah dijadualkan semula berikutan dengan arahan semasa Kerajaan yang bertujuan mengawal dan memutuskan rantai wabak COVID-19.

ILKAP juga telah diwartakan sebagai Stesen Kuarantin pada 21 Mac 2020 di bawah Perisytiharan Stesen Kuarantin (No. 2) 2020 (Warta Kerajaan P.U. (B) 179/2020). Keseluruhan fasiliti asrama di ILKAP tidak lagi dibuka kepada peserta program latihan anjuran ILKAP kerana telah dikhaskan untuk kegunaan kuarantin Pesakit bawah Siasatan atau *Patient under Investigation* (PUI) dan Pesakit dalam Pemantauan atau *Person under Surveillance* (PUS).



Dalam usaha memastikan perkhidmatan ILKAP tidak terjejas sepenuhnya dan bagi memastikan ILKAP mematuhi arahan semasa Kerajaan berkaitan dengan pembendungan penularan pandemik COVID-19, pelbagai bentuk norma baharu telah dilaksanakan di ILKAP.

Apabila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan mula berkuat kuasa pada 10 Jun 2020, warga ILKAP telah menggembeleng tenaga dalam pelbagai proses bagi menjayakan penganjuran baki 39 program latihan dalam tempoh 4 bulan. Sebanyak 29 program latihan berjaya diadakan secara kehadiran sendiri para penceramah dan peserta dengan pematuan arahan semasa Kerajaan.

Ini bertujuan memastikan tiada sebarang kes penularan COVID-19 dilaporkan berpunca daripada pihak ILKAP. Pelbagai norma baharu berlaku dengan pelaksanaan penjarakan sosial/fizikal, pemakaian topeng muka, pengurusan logistik serta penyediaan makanan dan minuman yang selaras dengan arahan semasa Kerajaan, penyelarasan aktiviti para penceramah dan termasuklah pemantauan berkala yang nyata berbeza daripada kebiasaannya. Norma baharu ini dilaksanakan bagi memastikan pengurangan kontak antara semua yang terlibat dan seterusnya mengelakkan sebarang kes penularan atau kluster baharu COVID-19 sepanjang penganjuran program latihan di ILKAP.

## NORMA BAHARU DI ILKAP



SOCIAL DISTANCING



## LAPORAN KHAS: NORMA BAHARU DI ILKAP

ILKAP juga telah mengorak langkah dan mengkaji kemungkinan menganjurkan program latihan secara dalam talian (online). Lanjutan daripada sesi persidangan secara dalam talian dengan pihak Republik Uzbekistan yang berjaya diadakan pada 12 Mei 2020, pihak ILKAP telah mengkaji potensi, isu dan pelbagai perkara yang bersangkutan dengan pelaksanaan program latihan secara dalam talian. Pada 14 September 2020, program latihan yang pertama dianjurkan oleh ILKAP secara dalam talian, iaitu Kursus Pengendalian Senjata Api telah berjaya diadakan. Jejak ini diikuti oleh sembilan program latihan secara dalam talian yang berjaya dianjurkan oleh ILKAP pada tahun 2020 dengan yang terakhir diadakan pada 30 Oktober 2020, iaitu Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia.

Tidak dinafikan pelbagai isu dan halangan timbul apabila langkah baharu diambil oleh ILKAP bagi menjayakan pelaksanaan program latihan secara dalam talian anjuran ILKAP. Ini termasuklah isu capaian Internet, komunikasi dua-hala antara peserta dan penceramah, kekangan teknologi, kelancaran program latihan secara maya dan sebagainya.



Namun, secara keseluruhannya program latihan yang dianjurkan secara dalam talian ternyata boleh dilaksanakan dengan baik oleh semua pihak yang berkaitan. Malahan, terdapat juga kelebihan pelaksanaan program latihan secara dalam talian yang didapati, antaranya kemudahan logistik bagi peserta, keselesaan menghadiri kursus mengikut keadaan serta mengurangkan risiko kemungkinan jangkitan COVID-19 dengan menghadkan kontak antara peserta. Menariknya, didapati para peserta lebih aktif dalam melontarkan soalan-soalan kepada penceramah menerusi program latihan secara dalam talian. Ini merupakan suatu perkara yang sangat positif dan dialu-alukan oleh pihak penceramah dan ILKAP.

## LAPORAN KHAS: NORMA BAHARU DI ILKAP

Selain pelaksanaan program latihan, ILKAP turut menggunakan aplikasi *Cisco Webex Meetings* untuk pelbagai mesyuarat dan buat pertama kalinya bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kursus (JKKK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKKSK) yang dijadualkan pada November hingga Disember 2020 sebagai mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang berkuat kuasa di Selangor bermula 9 November sehingga 30 Disember 2020. Mesyuarat JKKK dan JKKSK bagi tahun 2020 telah dilaksanakan secara hibrid dengan kehadiran secara sendiri oleh pihak ILKAP. Pemegang taruh pula menyertai Mesyuarat secara dalam talian. Dengan kaedah ini, pihak ILKAP berjaya mengadakan sebanyak 28 Mesyuarat JKKK dan JKKSK dalam tempoh 15 hari, iaitu dari 25 November hingga 18 Disember 2020 dan ini merupakan suatu pencapaian yang menggalakkan.

Berdasarkan pemerhatian Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP yang mengendalikan Mesyuarat JKKK dan JKKSK berkenaan, didapati Mesyuarat secara dalam talian mempunyai banyak kelebihan dan tarikan terutamanya dari segi memberikan kemudahan kepada pihak pemegang taruh yang berkaitan apabila mereka dapat

menjimatkan masa kerana tidak perlu hadir ke ILKAP secara sendiri. Mereka hanya perlu menggunakan aplikasi *Cisco Webex Meetings* yang boleh dicapai di mana-mana tempat yang mempunyai kemudahan WiFi dan pengurusan masa bagi setiap mesyuarat adalah lebih terkawal dengan pendekatan sebegini.

Dengan pelbagai pengalaman baharu yang dipelajari dalam tahun 2020, dipercayai pelbagai lagi situasi yang akan dihadapi dalam tahun 2021. Pasti, setiap situasi tersebut akan membuka alternatif kepada pihak ILKAP dalam menyahut cabaran mengamalkan norma baharu dalam situasi pandemik COVID-19.

Di sebalik musibah yang melanda dunia, ILKAP melabuhkan tirai dengan pencapaian yang memberangsangkan dan mengambil inisiatif untuk bersifat terbuka terhadap perubahan dan norma baharu yang perlu bagi menjaga kemaslahatan semua pihak. Bagi tahun 2021, ILKAP akan terus berusaha mengekalkan semangat dan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan.

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۚ

**“SESUNGGUHNYA TIAP-TIAP KESUKARAN DISERTAI KEMUDAHAN”**

# LAPORAN PENCAPAIAN

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2019

PENERIMA APC TAHUN 2019 INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN  
(ILKAP) JABATAN PERDANA MENTERI



### KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- 👤 Haslamizan bin Maliki – Pegawai Undang-Undang (Gred L48)
- 👤 Norhafida binti Darus – Pustakawan (Gred S44)

### KUMPULAN SOKONGAN

- 👤 Salmi binti Abdur Rahman – Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L29)
- 👤 Marina binti Mohamad – Pembantu Setiausaha Pejabat (Gred N22 (TBBK))
- 👤 Ma Zalina binti Mior Abd Salim – Pembantu Tadbir (P/O) (Gred N19)
- 👤 Farhan bin Zakariya – Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred W19)
- 👤 Khairuddin bin Mohd Razali – Pembantu Operasi (Gred N11)

## ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) (JANUARI-JUN) 2020

### KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



**PN. AINNAN BINTI MOHD RASID**  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
(GRED L44)

### KUMPULAN SOKONGAN



**PN. HANIM BINTI HUSSIN**  
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)  
(GRED W19)

## ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) (JULAI-DISEMBER) 2020

### KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



**PN. NOOR EZWANEE  
BINTI MOHAMAD**  
KETUA PENOLONG PENGARAH  
(GRED L48)

### KUMPULAN SOKONGAN



**EN. HAIRUL HELMI  
BIN ABD KHALID**  
PEMBANTU KEMAHIRAN  
(GRED H19)

# SIDANG REDAKSI

## BUKU LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2020

|                                                                                                                                        |                                                                                                                                  |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Ainnan Mohd Rasid                                                                                                                      | Ketua Sidang Redaksi                                                                                                             |
| <b>Laporan Program Latihan Bahagian Latihan ILKAP</b>                                                                                  |                                                                                                                                  |
| Fairuz Syuhada Amran<br>Siti Nor Mazrah Ahmad Din<br>Khairunnisa Hazwani Omar<br>Hafizah Johor Ariff Johor<br>Muhamad Yaser Mohd Nasri | Program Perundangan<br>Program Kehakiman<br>Program Penasihat<br>Program Litigasi<br>Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran |
| Nadia Fauzi<br>Ainnan Mohd Rasid<br>Salmi Abdur Rahman                                                                                 | <b>Laporan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP</b>                                                                               |
| Hanif Jamaludin<br>Mariana Nong                                                                                                        | <b>Laporan Bahagian Pengurusan ILKAP</b>                                                                                         |
| Norhafida Darus                                                                                                                        | <b>Laporan Bahagian Maklumat ILKAP</b>                                                                                           |
| Norfarhana Abd Karim                                                                                                                   | <b>Laporan Unit Integriti ILKAP</b>                                                                                              |
| <b>Laporan Khas</b>                                                                                                                    |                                                                                                                                  |
| Norhafida Darus<br>Hanif Jamaludin<br>Ainnan Mohd Rasid                                                                                | Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP<br>Laporan Khas: Stesen Kuarantin ILKAP<br>Laporan Khas: Norma Baharu di ILKAP                   |
| Dayang Faizah Awang Maliki                                                                                                             | <b>Laporan Pencapaian</b>                                                                                                        |
| Ainnan Mohd Rasid                                                                                                                      | <b>Draf Buku Laporan Tahunan ILKAP<br/>Gambar dan Infografik</b>                                                                 |
| Shahrul Firdaus Mohd Shahiri                                                                                                           | <b>Rekaan Grafik</b>                                                                                                             |
| Hanie Dzatul Akhmar Zulkefli                                                                                                           | <b>Penyunting I</b>                                                                                                              |
| Fariza Hamzah                                                                                                                          | <b>Penyunting II</b>                                                                                                             |
| Ainnan Mohd Rasid                                                                                                                      | <b>Penyunting Akhir</b>                                                                                                          |

*"Disclaimer: Pictures taken and portrayed in this publication are staged and taken for the purpose of reporting only. Related Standard Operating Procedures have been adhered by members of ILKAP during the reported activities."*



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN  
DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

**LAPORAN**  
**TAHUNAN**  
**2020**

